

**PENCALONAN UNTUK ANUGERAH BUMIPUTERA BESTBRANDS 2026 KINI DIBUKA**

Untuk info lanjut, hubungi –  
info@thebrandlaureate.com atau +603-7710 0348



**thebrandlaureate®**  
THE AWARD FOR BRANDS & BRANDING



www.thebrandlaureate.com



thebrandlaureate

**20<sup>TH</sup> ANNIVERSARY**  
**THE BRAND LAUREATE**  
THE AWARD FOR BRANDS & BRANDING



THE BRANDLAUREATE  
**BUMIPUTERA BESTBRANDS AWARDS 2026**

**MEMPERKASA JENAMA BUMIPUTERA,  
KEUNGGULAN DIKTIRAF,  
PRESTIJ DIPERTINGKAT.**



# THE BRANDLAUREATE BUMIPUTERA BESTBRANDS AWARDS 2026

## TROFI


Trofi Anugerah The BrandLaureate Bumiputera BestBrands 2026 berada dalam kelasnya tersendiri dan merupakan teras bagi tema anugerah tersebut; "Memperkasa Jenama Bumiputera, Keunggulan Diiktiraf, Prestij Dipertingkatkan."

Dengan sentuhan pakar rekaan yang luar biasa, trofi tersebut melambangkan kepentingan jenama bumiputera yang memacu ekonomi negara dan kukuh di persada dunia.

Trofi tersebut direka dan disalut dengan emas 24k. Manakala, jalur yang terdapat pada trofi ini melambangkan kekukuhan jenama bumiputera yang terus bangkit dan menjulang tinggi apabila ia memuncak dari pangkalnya, dan menggapai tinggi untuk menerima dunia. Dari ketegangan dinamik yang luar biasa pada badan arca yang padat, jalinan jalur merangkumi semua unsur penjenamaan yang saling bergantung antara satu sama lain untuk menghasilkan kualiti dan piawaian yang terunggul dalam jenama dan penjenamaan. Selain daripada itu, jalur ini juga merangkumi kekuatan dan keunggulan yang memaparkan asimilasi jenama.

14 jalur pada arca mewakili 14 negeri di Malaysia dan tiga jalur yang terdapat dalam setiap jalur melambangkan "Cemerlang, Gemilang & Terbilang" - tiga perkataan terbaik yang dapat menggambarkan jenama Bumiputera. Dengan semua ciri-ciri yang terpateri dalam trofi ini, ianya membolehkan sesuatu jenama mencapai posisi global. Penjangkauan global adalah objektif utama bagi setiap jenama.

Trofi ini menunjukkan hasil rekaan yang terunggul bagi menggambarkan kemurnian dan keunggulan jenama bumiputera yang layak dan benar-benar layak!



## MEMPERKASA JENAMA BUMIPUTERA, KEUNGGULAN DIIKTIRAF, PRESTIJ DIPERTINGKAT.



**THE HON. PRESIDENT EMERITUS  
PROFESSOR DR. KKJOHAN**  
WORLD PRESIDENT OF THE BRANDLAUREATE

Tahun ini, kami membuka peluang lebih luas kepada usahawan, syarikat dan organisasi Bumiputera untuk menonjolkan kekuatan jenama mereka serta melangkah ke tahap profesionalisme yang lebih tinggi.

The BrandLaureate Bumiputera BestBrands Awards 2026 kembali sebagai platform tertinggi yang meraikan kecemerlangan jenama Bumiputera yang berdaya saing, berwibawa dan berpengaruh.

Penganugerahan ini bukan sekadar pengiktirafan, tetapi merupakan perakuan global daripada The BrandLaureate yang memberi nilai tambah besar kepada imej, reputasi dan keberadaan jenama anda di dalam pasaran.

Dengan sokongan rangkaian penjenamaan antarabangsa, The BrandLaureate Bumiputera BestBrands Awards 2026 berperanan sebagai pemangkin penting bagi membantu jenama Bumiputera memperkukuh kredibiliti, meningkatkan keyakinan pelanggan, dan memperluas capaian pasaran ke peringkat nasional serta global.

Kami percaya bahawa jenama Bumiputera memiliki potensi besar untuk menjadi peneraju industri, dan anugerah ini adalah langkah strategik untuk mengangkat pencapaian tersebut.

Kami mengalu-alukan penyertaan jenama Bumiputera yang ingin menyerlah, memimpin dan meninggalkan impak yang berkekalan. Sertailah anugerah berprestij ini dan jadilah sebahagian daripada legasi kecemerlangan yang diiktiraf dunia. Inilah masa terbaik untuk mempamerkan kehebatan jenama anda

  
Dr. KKJOHAN  
President



**JAMY FIRDAUS DATO' HJ. JAAFAR**  
ORGANIZING CHAIRMAN  
BUMIPUTERA BESTBRANDS AWARDS

The BrandLaureate Bumiputera BestBrands Awards 2026 hadir sekali lagi sebagai platform tertinggi untuk meraikan kecemerlangan jenama Bumiputera yang berjaya mencipta impak dan pengaruh dalam industri masing-masing.

Anugerah berprestij ini mengiktiraf jenama yang bukan sahaja memiliki nilai, identiti dan reputasi kukuh, tetapi juga komitmen terhadap inovasi, kualiti serta kepimpinan yang memberi inspirasi.

Sebagai sebuah jenama global yang sinonim dengan kecemerlangan penjenamaan, The BrandLaureate berbangga untuk menonjolkan bakat, usaha dan pencapaian usahawan Bumiputera yang telah membuktikan kemampuan mereka bersaing dalam landskap pasaran moden. Penganugerahan ini membuka peluang kepada jenama Bumiputera untuk meningkatkan kredibiliti, memperluas pengaruh dan menempatkan diri di pentas antarabangsa.

Dengan Anugerah The BrandLaureate Bumiputera BestBrands 2026 ini, jenama Bumiputera ini dapat meyakinkan pelanggan mereka mengenai pemilikan. Ini dapat memberikan keyakinan dan keselesaan dalam diri pelanggan serta membolehkan mereka memilih jenama Bumiputera ini berbanding jenama yang lain di pasaran.

Inilah masanya untuk menyerlah, memimpin dan mengukuhkan jenama anda.

Mari bersama membina masa depan penjenamaan Bumiputera yang lebih gemilang.

  
JAMY FIRDAUS DATO' HJ. JAAFAR  
Organizing Chairman